

Shanmugam: Bilangan peguam tinggalkan kerjaya di S'pura stabil

Sebab di sebalik keputusan itu tetap perlu dipandang serius

Jumlah peguam yang meninggalkan kerjaya sejak sedekad lalu kekal stabil dan bilangan karyawan dalam sektor tersebut turut berkembang seiring dengannya.

Namun, landskap perundangan tempatan tetap tidak sunyi daripada masalah.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara merangkap Menteri Ehwah Dalam Negeri, Encik K. Shanmugam, pada 26 Julai.

Isu seperti penyeliaan yang lemah, kekurangan latihan, gangguan, buli dan layanan yang tidak munasabah terhadap peguam perlu dipandang serius.

Persoalan serius itu ditimbulkan susulan kajian baru-baru ini yang dikerahkan oleh Persatuan Guaman Singapura mengenai sebab peguam meninggalkan kerjaya tersebut, kata Encik Shanmugam di majlis meraikan pelajar undang-undang baharu Universiti Nasional Singapura (NUS) di Pusat Budaya Universiti.

Ia termasuk waktu bekerja yang panjang, budaya tempat kerja yang toksik, tekanan, dan layanan yang bersifat menghinakan atau tidak adil terhadap mereka di mahkamah, tambah beliau.

Encik Shanmugam, mengalu-alukan usaha Persatuan Guaman yang telah membentuk pasukan petugas untuk merungkakan isu tersebut.

Badan kehakiman dan persatuan juga sedang menubuhkan jawatankuasa bersama untuk mengkaji maklum balas dan melihat apakah yang boleh dilakukan untuk menangani isu yang dikenal pasti.

“Adalah penting bagi pihak peguam

dan mahkamah untuk menangani perkara ini,” ujar beliau.

Encik Shanmugam menambah, sesetengah peguam telah beralih ke sektor berbeza kerana kemahiran yang diperoleh dalam amalan undang-undang, seperti pemikiran yang jelas dan penulisan yang tepat, serta memberi manfaat kepada mereka dalam pelbagai bidang.

Di majlis itu, beliau turut menutup rapat kapsul masa yang mengandungi surat yang ditulis oleh pelajar baharu kepada masa depan mereka.

Ia akan dibuka semula apabila mereka tamat pengajian.

Seramai 245 pelajar baharu telah melafaz ikrar etika di majlis tersebut.

Jurucakap SG Courts berkata terdapat dua aduan tingkah laku formal yang diterima dalam tempoh tiga tahun lalu.

Memetik perangkaan yang dikeluarkan oleh Menteri Undang-Undang, Encik Edwin Tong, di Parlimen pada Mei, Encik Shanmugam berkata, antara 2015 dengan 2024, kira-kira 60 peratus peguam kekal berkhidmat selepas bekerja selama lima tahun.

Sekitar 40 peratus kekal selepas satu dekad.

Bilangan peguam Singapura yang berkhidmat meningkat 26 peratus dari 2015 hingga 2024.

Pada masa ini terdapat kira-kira 4,800 peguam di Singapura – peningkatan sepertiga sejak 2015.

Encik Shanmugam berkata langkah seterusnya adalah untuk melihat mengapa kira-kira empat daripada 10 peguam

“Apabila menerima bayaran (gaji tinggi) sedemikian, jangkaan dan tuntutan kerja juga menjadi tinggi. Tugas sering kali perlu diselesaikan hampir sepanjang masa. Keadaan ini lebih hebat tekanannya di London dan New York. Tekanan sebegini memang merupakan sebahagian daripada lumrah kerjaya ini.”



Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara merangkap Menteri Ehwah Dalam Negeri, Encik K. Shanmugam.

meninggalkan kerjaya ini selepas lima tahun.

Beliau mendapati ramai yang meninggalkan bidang tersebut untuk menyertai sektor perbankan pelaburan dan perkhidmatan awam, manakala ada yang memulakan perniagaan mereka sendiri.

Semasa berucap kepada para pelajar baharu yang hadir, Encik Shanmugam menyatakan bahawa bidang guaman merupakan satu kerjaya yang sangat menantang.

Beliau berkata: “Jika anda memilih untuk menceburi bidang guaman dan berhasrat untuk berada di peringkat tertinggi serta di barisan hadapan, maka anda harus bersedia menghadapi tuntutan yang sangat tinggi.”

Beliau berkata gaji yang diterima berkait rapat dengan tuntutan kerjaya tersebut.

Seorang peguam berkecualan pada

tahun pertama di firma tempatan terkecualan boleh memperoleh pendapatan melebihi \$100,000 setahun.

Mereka yang menunjukkan prestasi cemerlang dan dilantik sebagai rakan kongsi muda selepas tempoh enam hingga lapan tahun pula boleh meraih pendapatan antara \$200,000 dengan \$300,000 setahun.

Dalam sektor awam, perkhidmatan perundangan dan kehakiman turut menawarkan gaji yang berdaya saing bagi menarik bakat terbaik.

“Apabila menerima bayaran sedemikian, jangkaan dan tuntutan kerja juga menjadi tinggi. Tugas sering kali perlu diselesaikan hampir sepanjang masa.

“Keadaan ini lebih hebat tekanannya di London dan New York. Tekanan sebegini memang merupakan sebahagian daripada lumrah kerjaya ini,” kata Encik Shanmugam.